



2 MAC 2015

**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**"ISU 10% KANAK-KANAK TERLIBAT PENYALAHGUNAAN DADAH"**

Merujuk kepada laporan media berkenaan isu 10% kanak-kanak terlibat dengan penyalahgunaan dadah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin melahirkan rasa kecewa dengan isu berkenaan.

Keprihatinan dan sikap lebih berwaspada oleh ibu bapa dan keluarga haruslah dititikberatkan dalam menangani hal seperti ini. Dalam menangani isu dadah ini, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), agensi di bawah KPWKM berperanan dalam memberi kemahiran keibubapaan kepada ibu bapa mengenali dan memahami serta memupuk kasih sayang kepada-anak-anak mereka agar tidak terjebak dalam kancap penagihan dadah. Pelbagai program disediakan dalam membantu para ibu bapa dalam membentuk Keluarga yang bahagia seperti Program Ilmu@Keluarga, Kursus Keluarga@Kerja dan perkhidmatan kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan.

Di samping itu, LPPKN juga telah menjalinkan kerjasama dengan Persatuan PENGASIH dan PETRONAS untuk melaksanakan Program Kenali Anak Kita PETRONAS. Program ini adalah kempen pencegahan awal yang digerakkan oleh Persatuan PENGASIH Malaysia dengan tajaan PETRONAS. Kempen yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009 ini menyediakan pengetahuan asas kepada ibubapa dan para guru untuk menjadi Agen Perubahan agar mereka dapat membantu remaja menghindari penagihan dadah dan tingkahlaku menyeleweng dari peringkat awal lagi. Bermula daripada tahun 2009 sehingga 2014, sebanyak 59 program melibatkan 24,896 peserta dan seramai lebih daripada 2,000 agen perubah telah berjaya dilatih.

Kementerian menyeru agar ibu bapa, penjaga dan masyarakat sekeliling supaya memberi keutamaan kepada penjagaan kanak-kanak agar perkara tidak diinginkan terutamanya melibatkan masalah sosial seperti gejala penyalahgunaan dadah ini dapat dielakkan. Di samping itu, ibu bapa juga perlu mengambil berat dan mengambil tahu tentang pergaulan anak-anak di luar rumah dengan mengambil inisiatif mengenali rakan-rakan mereka.

####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat  
No.55, Persiaran Perdana, Precint 4,  
Putrajaya

Tarikh : 2 Mac 2015